

# 'Terbang tinggi' perkasa kemahiran dalam sektor penerbangan

MINDA Encik Razali Abdul Rahim sering berlegar di sekitar dunia penerbangan, meliputi aspek kejuruteraan, jualan dan pemasaran hinggalah operasi lapangan terbang sekali gus.

Sejak di bangku sekolah menengah lagi, beliau gigih mengumpul wang saku bagi membeli majalah mingguan tentang pesawat tentera bagi mengetahui cebisan kisah sejarahnya.

'Cinta pandang pertama' Encik Razali, kini 44 tahun, terhadap warna-warni dunia penerbangan, malah lebih mekar setelah beliau bertugas sebagai ejen khidmat pelanggan di syarikat penyenggara pesawat Singapore Airport Terminal Services (SATS) di Lapangan Terbang Changi pada 1996.

Kini, selepas 22 tahun berlalu, beliau masih lagi betah sebagai karyawan sektor penerbangan dan gigih bertugas sebagai pengurus tanjakan di Lapangan Terbang Seletar sejak sedekad lalu.

Meskipun pernah menyimpan hasrat 'berhijrah' ke bidang sebaran am berbekalkan Diploma Komunikasi Massa daripada Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS), Encik Razali tidak nafikan minat mendalamnya agar terus memperkasa ilmu dalam bidang penerbangan.

Lantaran itu, beliau merupakan antara kohort pertama lulusan Sarjana Muda Sains Gunaan (Penerbangan) daripada kampus SIM Global Education (GE)-Universiti RMIT, yang merebut peluang mengambil kursus itu pada 2014.

Universiti RMIT yang berpangkalan di Melbourne, Australia, berpengalaman melatih siswa dalam bidang kejuruteraan aeroangkasa dan penerbangan selama lebih 70 tahun.

Justeru itu, program di Singapura membolehkan pelajar menelaah sukatan pelajaran tentang dunia penerbangan secepat.



Seramai 25 pelajar dalam kohort pertama kursus ini tamat pengajian tahun lalu.

Encik Razali pula adalah penerima Anugerah Pembelajaran SkillsFuture yang membantunya memperkasa kemahiran dalam menjalankan tugas bermutu sebagai karyawan penerbangan.

Beliau pernah bertugas sebagai pengurus Qatar Airways di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha di Qatar selama lapan bulan.

Sekembalinya ke Singapura, beliau menyertai firma Amerika yang menyenggara

pesawat jet swasta di Lapangan Terbang Seletar. Sudah tiga kali beliau dinaikkan pangkat.

Ketika ditemui *Gah!* di rumahnya di Lorong 8 Toa Payoh, bapa dua anak remaja itu, berkata:

"Dunia penerbangan berkembang pesat. Saya melihat kemajuan sektor ini tatkala melihat kerencaman dan evolusi ciptaan jenis pesawat dari *Concorde* ke *Dreamliner*.

"Lebih daripada itu, sepanjang berkecimpung dalam bidang ini selama lebih 20

tahun, saya gemar menemui pelanggan daripada pelbagai latar belakang dan berkhidmat buat mereka.

"Selepas mengikuti kursus ijazah ini, saya lebih menghargai tugas menyenggara pesawat yang mendarat, kepentingan menjaga keselamatan pesawat serta mengetahui punca berlakunya kemalangan di udara."

Beliau juga menyenangi kesediaan penyarah dan rakan kuliahnya berkongsi dan berbincang tentang pengamatan mereka mengenai dunia penerbangan secepat yang kian 'mengegar' dunia masa kini.

**TAMBAH ILMU PENERBANGAN:** Pengurus tanjakan di Lapangan Terbang Seletar, Encik Razali Abdul Rahim, mengambil kursus ijazah Sains Gunaan (Penerbangan) kerana ingin merebut peluang meneroka ilmu terkini tentang pesawat dan operasi lapangan terbang. – Foto BH oleh ALVIN HO

Isterinya, Cik Siti Aishah Mohamed Hasan, 41 tahun, juga pengurus dalam sektor penerbangan, berkata:

"Saya tahu keupayaan suami saya belajar lagi pada usia melepasi 40 tahun. Beliau gemar mengupas isu penerbangan. Kesungguhannya belajar menjadi dorongan buat dua anak kami.

"Apabila salah seorang daripada mereka tiba-tiba memberitahu gurunya betapa bangga dirinya kerana mempunyai ayah yang rajin belajar lagi pada usia matang, saya cukup terharu."